





CONVOCATION

4,535 graduan UMP bakal dirai dalam MKK17 mulai Sabtu ini

3 November 2022

Disediakan oleh: Mimi Rabita Abdul Wahit, Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Canseleri

KUANTAN, 5 November 2022 - Seramai 4,535 graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal bergraduasi dalam Majlis Konvokesyen Ke-17 UMP mulai 5 hingga 8 November 2022 di UMP Kampus Gambang atau kini dikenali sebagai UMP Paya Besar.

Graduan terdiri daripada graduan doktor falsafah (66) dan sarjana (185), graduan sarjana muda (2,509) dan diploma (556) serta graduan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di UMP Advanced (1,219) menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Daripada jumlah tersebut, seramai 90 orang adalah graduan antarabangsa yang terdiri dari 17 buah negara.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin, Pro-Canselor UMP, Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor akan menyempurnakan penganugerahan ijazah dan anugerah kecemerlangan kepada seramai 199 penerima ijazah sarjana dan kedoktoran termasuk 14 anugerah dan hadiah kecemerlangan bersempena majlis konvokesyen yang akan berlangsung pada sesi 1 ini.

“Manakala seramai 832 penerima ijazah sarjana dan kedoktoran termasuk 43 penerima anugerah dan hadiah kecemerlangan pada sesi 2 menjadikan seramai 1,031 graduan pada hari pertama (5 November 2022) Majlis Konvokesyen Ke-17.

“Daripada jumlah tersebut, seramai 35 orang graduan menerima dua ijazah dalam program Dual Ijazah UMP-HKA hasil kerjasama UMP dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA) Jerman yang kini memasuki tahun ke-12 dengan memfokuskan bidang Kejuruteraan Automatif dan Kejuruteraan Mekatronik.

“Manakala dengan Hochschule Reutlingen (HsRT) bagi bidang Kejuruteraan Perniagaan,” katanya dalam Sidang Media Memperkenalkan Graduan UMP yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan UMP Paya Besar.

Sementara itu, pada hari kedua (6 November 2022) seramai 883 graduan menerima ijazah pada sesi ketiga dan 846 pada sesi keempat menjadikan jumlah hari kedua (Ahad) seramai 1,729 graduan menerima daripada Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin.

Profesor Dato’ Ts. Dr. Yuserrie juga akan menyampaikan ijazah pada hari ketiga, 8 November 2022 (Selasa) melibatkan seramai 1,775 graduan dan pada sesi kelima iaitu seramai 1,059 graduan dan sesi keenam melibatkan seramai 716 graduan UMP Advanced.

Beliau turut berkongsi kejayaan UMP di peringkat global apabila Best Global Universities Ranking 2022-2023 oleh U.S.News & World Report menyenaraikan lima subjek UMP terbaik dunia iaitu Subjek Tenaga dan Bahan Api (161), Kejuruteraan Kimia (201), Kejuruteraan (256), Sains Bahan (634) dan Kimia (637).

Secara keseluruhannya, UMP berada di tangga #922 bagi penarafan tahun 2022 hingga 2023 dan bagi kedudukan di Asia, UMP berada di tangga #269 serta di kedudukan #8 di Malaysia.

Selain itu juga, seramai 22 penyelidik UMP tersenarai dua peratus saintis terbaik dunia bagi dua kategori pencapaian.

Daripada jumlah tersebut, seramai tujuh penyelidik tersenarai bagi kategori Pencapaian Sepanjang Kerjaya dan seramai 21 penyelidik UMP tersenarai dalam Pencapaian Satu Tahun (Single Year Achievement).

Pengiktirafan ini merujuk kepada data yang dikeluarkan oleh Elsevier BV, Stanford University yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Dalam memastikan graduan berdaya saing pelbagai inisiatif dilaksanakan termasuklah menjalankan kerjasama dengan Industri.

Ujarnya, UMP dan Yayasan UMP juga memeterai perjanjian bersama Malaysian Engineering Community (MEC) Jerman bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan menerusi pelaksanaan German Industry Employability Programme (GIEP) yang bakal memanfaatkan pelajar bagi penempatan kerjaya di Jerman.

“Dengan kerjasama ini dapat membangunkan satu hab kerjaya antarabangsa untuk menjadi one-stop center bagi pembangunan pelajar dan graduan UMP berkaitan kerjaya antarabangsa.

“Pada masa yang sama dapat meningkatkan nilai tambah untuk memastikan pelajar mahir teknologi selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) terutama dalam kecerdasan buatan (AI) dan Internet of Thing (IoT),” katanya.

Program Dual Ijazah UMP melibatkan kerjasama institusi Jerman iaitu Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA), Mannheim University of Applied Sciences (HsMA), dan Reutlingen University (HsRT).

Manakala Kazakh National Agrarian University (KAZNAU) Kazakhstan, Beijing Jiaotong University (BJTU) China, Tianjin University (TJU) China pula bakal diperluas ke Amerika Syarikat dan Korea.

Hadir sama dalam majlis Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim Mohamed yang menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Pengarah Pusat Pengurusan Akademik, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Shahrir Mohd Sani, Pegawai Undang-undang, Marlina Mamat dan Ketua Pustakawan, Azman Abdul Rahim.

TAGS / KEYWORDS

[4](#)

[535 graduan UMP bakal dirai dalam MKK17](#)